



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
JABATAN PERTANIAN (DOA)
TAHUN 2024**

**15 MEI 2025 | KHAMIS
DEWAN SERBAGUNA KPKM**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Jabatan Pertanian bagi tahun 2024.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, atas kesudian meluangkan masa untuk hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para penerima. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berbahagia Datuk Seri mencerminkan sokongan dan komitmen tinggi beliau dalam menyantuni warga kerja Jabatan Pertanian yang diraikan pada hari ini. Marilah kita berikan tepukan yang gemuruh kepada Yang Berbahagia Datuk Seri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Untuk makluman, seramai 205 warga kerja Jabatan Pertanian yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang akan diraikan sebagai penerima APC pada hari ini. Majlis ini turut meraikan 3 orang penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri bagi tahun 2024. Majlis APC ini bukan sekadar majlis penghargaan atas khidmat bakti, tetapi juga manifestasi penghargaan Kerajaan terhadap usaha, dedikasi dan komitmen penjawat awam. Lebih

daripada itu, APC menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk setiap warga kerja Jabatan Pertanian terus melakar pencapaian cemerlang dalam perkhidmatan.

4. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para penerima. Semoga penganugerahan ini menjadi pemangkin untuk terus menyumbang perkhidmatan dengan penuh semangat, menghasilkan mutu kerja yang lebih berkualiti, serta menjadi teladan kepada rakan sejawat yang lain.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

5. Dalam mendepani cabaran perkhidmatan awam masa kini, kita semua diseru menghayati **nilai-nilai H.E.M.A.T.** yang amat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI – iaitu Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran. Nilai-nilai inilah yang menjadi teras dalam memastikan setiap dasar dan polisi kerajaan dapat diterjemahkan dengan berkesan di lapangan, termasuk melalui Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.
6. Penjawat awam ialah cerminan imej Kerajaan di mata masyarakat. Kita dituntut untuk mempamerkan integriti, profesionalisme dan cekap dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Kita mesti bersikap telus, terbuka dan menggunakan saluran komunikasi sedia

ada, dan bekerja secara berpasukan, bukannya secara silo.

7. Sebagai jentera pelaksana dasar kerajaan, kita di Jabatan Pertanian mesti sentiasa berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan yang cepat, relevan, mesra pengguna dan telus — inilah ukuran sebenar prestasi kita di mata rakyat. Maka, setiap warga jabatan, dari peringkat tertinggi hingga ke barisan hadapan, perlu memainkan peranan dengan penuh komitmen, kebertanggungjawaban dan dedikasi tinggi.
8. Sepanjang tahun 2024, Jabatan Pertanian telah mencatat beberapa pencapaian membanggakan di peringkat nasional dan antarabangsa. Pada 29 Februari 2024, Jabatan telah menerima **Anugerah Emas** dalam Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) 2023, sebagai pengiktirafan terhadap komitmen jabatan dalam membudayakan tadbir urus berintegriti. Kemudian, pada 28 Mei 2024, **Sistem GeoTanaman**, inovasi ciptaan Jabatan, telah berjaya dinobatkan sebagai **Pemenang Utama bagi Kategori C13 (E-Pertanian)** sempena *World Summit on the Information Society (WSIS) Prizes 2024* di Geneva, Switzerland — satu pencapaian yang mengangkat nama negara dalam arena pertanian digital global.

9. Pada 24 Ogos 2024, negara telah menyaksikan kejayaan besar apabila **durian segar Malaysia berjaya dieksport ke China** buat pertama kalinya. Pencapaian ini bukan sahaja mengembangkan industri durian tempatan, malah membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada lebih 63,000 pengusaha durian di seluruh negara. Tidak ketinggalan, pada 17 Disember 2024, Jabatan turut menerima **Sijil Penghargaan Projek Reformasi Karenah Birokrasi (RKB)** daripada Malaysia Productivity Corporation (MPC) atas kejayaan mempercepatkan proses kelulusan pengimportan bijirin ke dalam negara. Bagi tahun 2025, Jabatan akan melaksanakan satu lagi inisiatif di bawah RKB yang memberi tumpuan kepada pengurusan pekerja asing dalam subsektor tanaman, dengan objektif utama untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mengatasi isu pemalsuan dokumen dalam permohonan pekerja asing.
10. Selain itu, tahun ini juga sangat penting kerana kita bukan sahaja melaksanakan 27 projek pembangunan bernilai lebih RM71.94 juta di bawah Rolling Plan ke-5 RMKe-12, tetapi juga terlibat secara langsung dalam usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara. Inisiatif strategik seperti projek peningkatan tahap sara diri (SSL) bagi buah-buahan dan sayur-sayuran utama, projek tanaman bawang, projek TKPM, pengeluaran benih kelapa, serta pensijilan myGAP dan myOrganic memerlukan

pemantauan rapi agar setiap sen peruntukan memberi impak maksimum kepada petani dan rakyat. Semua agenda ini hanya dapat dicapai melalui pemikiran yang sentiasa mahu berubah, mahu memperbaiki diri dan tidak berpuas hati dengan pencapaian sedia ada.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua penerima APC Jabatan Pertanian dan penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri bagi Tahun 2024. Teruskan usaha murni dalam menyumbang khidmat yang terbaik demi kemajuan Jabatan dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wbt.